

27/06/1998

Bincang perkara sensitif bukti Umno matang

SINGAPURA, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno ikhlas dalam membangkitkan isu nepotisme dan kronisme, sekali gus bertanggungjawab sepenuhnya dengan tindakan itu, kata Naib Ketuanya Datuk Hishammuddin Hussein.

Beliau menegaskan semua pihak harus melihat dari sudut positif apabila isu itu dibangkitkan oleh ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, dan bukannya mempertikaikan kejujuran Pemuda Umno menyokong dasar kerajaan.

Sebaliknya, beliau berpendapat keupayaan Umno membahaskan isu itu secara terbuka, menggambarkan parti sudah memasuki era baru dalam proses kematangannya sejak ditubuhkan lebih 50 tahun lalu.

Menurutnya, isu berkenaan kini reda bukan disebabkan oleh sebarang faktor lain, melainkan Umno sudah mencapai satu tahap kematangan membicarakan isu sensitif secara terbuka.

"Adalah malang jika isu ini dieksploitasi dan jika itu berlaku, saya bertanggungjawab dalam hal ini bersama-sama Datuk Zahid dan semua anggota Exco (Pergerakan Pemuda Umno).

"Tetapi, jika semua orang menyedari ada cara positif melihat isu ini, saya percaya kita semua (Umno) mampu bangkit daripada isu ini dengan keadaan lebih kuat lagi," katanya pada Forum Malaysia Singapura: Melabur di Malaysia, petang semalam.

Ia adalah kenyataan pertama Hishammuddin selepas Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno Ahad lalu, yang menyentuh tindakan Ahmad Zahid membangkitkan isu nepotisme dan kronisme.

Langkah Ahmad Zahid membangkitkannya pada Perhimpunan Pemuda Umno, mendorong pendedahan senarai projek penswastan dan saham yang menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan ahli parti.

Hishammuddin sendiri beranggapan masih terlalu awal untuk meramalkan kesannya tetapi menegaskan Pemuda Umno kini berada dalam keadaan tenang dan bersedia menerima teguran.

"Selepas perhimpunan agung, saya berkesempatan menemui barisan Pemuda Umno di Selangor dan Perlis. Saya dapati, kalau kita berani membuat teguran... kita seharusnya cukup sabar menerima teguran daripada mereka yang lebih tua," katanya.

(END)